

# ورتا قنرغن

## Warta Penerangan



JULAI 2017





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*  
*Daripada*  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri.



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu**  
**Jabatan Penerangan**  
**Jabatan Perdana Menteri**

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat  
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak  
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi  
PELITA BRUNEI dan  
Pegawai dan Kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat Daerah Brunei dan Muara	5 - 6
Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara	7 - 11
Jabatan Penerangan Semarakkan Hari Raya Aidilfitri	12 - 13
Program Sua Muka	14 -15
PENTARAMA Salur Maklumat menerusi hiburan	16 - 18
Peristiwa Jabatan Penerangan	18
Taklimat Kenegaraan "Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara"	19
Hadiri Kursus Leading in the 21st Century	20
Mesyuarat Ke-18 Jawatankuasa Kecil (SCI) Komiti ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI)	21
Senarai Pegawai dan Kakitangan yang baru Berkhidmat, Berpindah Dalam Jabatan, Luar Jabatan, Naik Pangkat dan Bersara di Jabatan Penerangan	22
Senarai Pegawai dan Kakitangan yang Mengikuti Bengkel/Taklimat pada bulan Julai 2017	
Senarai Pegawai yang Mengikuti Mesyuarat di Luar Negeri Bulan Julai 2017	23
Pegawai Penerangan Memberi Taklimat Bulan Julai 2017	
Penempatan Kerja Mahasiswa/Mahasiswi di Jabatan Penerangan Bulan Julai 2017	
PEDOMAN	

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

## Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sempena keberangkatan baginda ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara.*

Oleh : Unit Penerbitan Melayu / Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Julai.— Berbagai lapisan rakyat dan penduduk di daerah hari ini berasa gembira bagi menantikan keberangkatan raja yang dikasihi bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara (DBM) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.

Majlis berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara disini.

Dalam sama-sama memeriahkan majlis tersebut pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan untuk sama-sama merebut peluang untuk beramah mesra dan seterusnya menyebarkan ucapan ulang tahun hari keputeraan hadapan majlis baginda.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan di sekitar Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat serta Penduduk Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun.



## Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara



*TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa hadir pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di Masjid Mohammed Bolkiaah, Kampung Serusop.*

Oleh: Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman, Rohani Haji Abdul Hamid, Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Haji Ariffin Mohd.Noor, Pg.Amirulnizam Pg.Haji Mohd.Ali, Syahi Haji Ludin, Hamzah Mohidin

**B**ERAKAS, Ahad, 2 Julai. - Sempena menyemarakkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun, Jabatan Penerangan meneruskan lagi Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam dengan mengadakannya serentak di keempat-empat daerah dengan aktiviti keagamaan.

Program tersebut dihasrat untuk menggalakkan dan membudayakan amalan pengibaran bendera negara di kalangan rakyat dan penduduk negara ini semasa sambutan perayaan hari-hari kebesaran negara.

Di Daerah Brunei dan Muara program diadakan di Masjid Mohammed Bolkiaah, Kampung Serusop di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media), di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (IT, E-kerajaan dan Industri) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, pasukan beruniform, persatuan-persatuan dan lain-lain.

Dalam ceramah khas yang disampaikan oleh Pemangku Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Adnan bin Haji Basar antara lain menyentuh mengenai hubungan bendera dengan Islam termasuklah sejarah bendera dalam Islam, bendera dengan semangat patriotisme dan nasionalisme, ketaatan kepada raja serta peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk untuk menaik-kibarkan bendera.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (IT, E-Kerajaan dan Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abd Wahab semasa hadir pada program yang di adakan di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop.**

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Program turut disemarakkan dengan bacaan Ratib Al-Attas, dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Muhammed Bolkiah, Awang Ahmad Shafiq bin Haji Osman yang seterusnya memimpin bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Di Daerah Belait program yang sama telah diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara, Kampung Pandan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Riza bin Dato

Paduka Haji Mohammad Yunos.

Di Daerah Tutong program diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai dan turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd Hanifah selaku tetamu kehormat.

Manakala di Daerah Temburong program diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.



**SUASANA sekitar Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop.**



## **Daerah Belait**



***SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Riza bin Dato Paduka Haji Mohammad Yunos semasa hadir pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di Masjid Rancangan Perumahan Negara, Kampung Pandan, Daerah Belait.***




***CERAMAH Khas dan bacaan Ratib Al-Attas antara pengisian Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara, Kampung Pandan, Daerah Belait.***

## **Daerah Tutong**



***SETIAUSAHA Tetap (Perindustrian) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd Hanifah semasa hadir pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong.***



***PROGRAM Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong turut diisikan dengan Ceramah Khas dan bacaan Ratib Al-Attas.***



## Daerah Temburong



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri Awang Abdul Walid bin Haji Matassan semasa hadir pada Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.**



**SUASANA semasa Program Menghayati Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara, Kampung Rataie, Mukim Bokok, Daerah Temburong.**

## Jabatan Penerangan semarakkan Hari Raya Aidilfitri



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan hadiah kepada Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar selaku ketua pasukan Rumah Pengiran Setia Negara setelah memenangi nyanyian hari raya berkumpulan.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Julai.- Kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih lagi dirasakan walaupun sudah memasuki minggu ketiga bulan Syawal 1438 Hijrah.

Pelbagai acara Sambutan Hari Raya giat dianjurkan oleh pelbagai pihak yang antara lain dihasrat untuk mengukuhkan silaturahim di samping memberi peluang untuk bermaaf-maafan di bulan yang mulia ini.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan juga tidak ketinggalan meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Penerangan, Berakas.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta para pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan beserta ahli keluarga masing-masing.

Majlis diserikan dengan beberapa persembahan nyanyian daripada ahli-ahli jawatankuasa majlis sambutan, pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan selain cabutan nombor bertuah dan 'Grand Draw' berupa peralatan elektrik dan barangan asasi, hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan jabatan.



**Aksi-aksi sempana  
Sambutan Hari Raya Aidilfitri  
Jabatan Penerangan 2017**



# Program Sua Muka Platform ke arah perpaduan kerajaan dan rakyat

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyerahkan bahan terbitan Jabatan Penerangan kepada Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang semasa program tersebut (kanan atas) sementara (kiri atas) merupakan Bangunan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Ayer yang terletak di mukim tersebut.

**MUKIM PERAMU,** Khamis, 13 Julai.- Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat mengadakan Program Sua Muka di kediaman Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang iaitu dalam usahanya untuk terus menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji

Mohammad bersama pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Juga hadir ialah Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim.

Program Sua Muka merupakan strategi komunikasi bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dan rakyat sebagai platform untuk

menyampaikan dasar dan maksud kerajaan demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Program turut diselajurkan dengan pengenalan dan membarigakan versi digital Pelita Brunei iaitu e-Pelita Brunei dan Pelita Brunei online termasuk tatacara untuk memuat turun e-Pelita Brunei.



**PEMANGKU** Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad ketika mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang semasa program tersebut.

## Program Bersua Muka kongsi penambahbaikan Mukim Peramu

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid dan Sity Diyanatul-Widad Haji Ismat



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim.*

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Julai.- Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat meneruskan Program Bersua Muka dengan berkunjung ke diaman Penghulu Mukim Peramu, Pengarah Dato Paduka Awang Haji Ismit bin Pengarah Mukim Haji Naim.

Kunjungan tersebut merupakan susulan program dari lawatan yang telah diadakan lima hari yang lalu di rumah Ketua Kampung Lurong Sikuna, Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang.

Rombongan Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan dengan dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Peramu.

Program tersebut merupakan platform untuk menyampaikan dasar dan maksud kerajaan

demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat, ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara selain untuk mendapatkan isu-isu dan pendapat, cadangan yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Turut dikongsikan dari penduduk kampung adalah cadangan-cadangan penambahbaikan bagi memajukan mukim tersebut.



*PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika hadir pada program tersebut.*

## PENTARAMA salur maklumat menerusi hiburan

Foto oleh: Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali, Haji Ariffin Mohd.Noor

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Julai. - Persembahan PENTARAMA sempena Sambutan Perayaan Bulan Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun di Pentas Perayaan di keempat-empat daerah yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan merupakan satu medium untuk menyalurkan maklumat rasmi mengenai dasar dan aktiviti kerajaan serta hal ehwal semasa kepada orang ramai melalui persembahan pentas, iaitu nyanyian, tarian sketsa drama dan lawak jenaka adalah dihasratkan untuk menyuntik semangat patriotik, cintakan raja, agama dan negara kepada masyarakat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas kiri) manakala atas kanan dan bawah merupakan antara persembahan penyeri PENTARAMA.





## Daerah Tutong

26 Julai 2017



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abd.Wahab bin Apong, Penghulu Mukim Tanjung Maya semasa hadir pada majlis tersebut (atas) manakala gambar bawah merupakan antara persembahan PENTARAMA malam itu.



## Daerah Belait

22 Julai 2017



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Hanapi bin Mohd.Siput, Pemangku Penghulu Mukim Labi dan selaku Ketua Kampong Gatas semasa hadir pada majlis tersebut (atas) gambar bawah merupakan antara aktiviti PENTARAMA pada malam itu.



Daerah Temburong:


29 Julai 2017



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, Penghulu Mukim Bokok semasa hadir pada majlis tersebut (atas) manakala gambar atas kanan dan bawah merupakan antara persembahan PENTARAMA malam itu.



## Peristiwa Jabatan Penerangan



Pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Penerangan Brunei bergambar kenangan pada awal tahun 50-an di hadapan bangunan Perkhidmatan Penerangan Brunei. Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim duduk di sebelah kiri (kiri).

Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Masri ketika membuka rasmi sebuah Syarikat Kerjasama di Kampong Masin pada 26 Julai 1964. Beliau pernah mengetuai Jabatan Penerangan pada pertengahan tahun 1970-an (kanan).



## Semai semangat patriotisme pelajar

Berita dan Foto: Noraisah Muhammed /Hernie Suliana Haji Othman

**S**ERIA, Isnin, 10 Julai. - Taklimat Kenegaraan "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" ke sekolah-sekolah yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan merupakan salah satu usaha berterusan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Usaha yang tidak kendur-kendurnya ini terus menerus diungkapkan oleh Jabatan Penerangan samada melalui ibu pejabat mahupun cawangan daerah-daerah.

Antara perkara utama yang disentuh pada program

tersebut ialah mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dengan betul dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Turut disajikan setiap kali program diadakan ialah tayangan Klip Video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara' selain para pelajar berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan.

Pada bulan ini beberapa buah sekolah telah dikunjungi seperti:

### Maktab Anthony Abell 10 Julai 2017



**PEGAWAI** Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris semasa memberikan taklimat.



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar yang mengikuti taklimat tersebut.

### Sekolah Menengah Tanjong Maya 27 Julai 2017



**KETUA** Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar ketika menyampaikan taklimat mengenai bendera negara.



**SEBAHAGIAN** pelajar ketika mengikuti kuiz kenegaraan.

## Hadiri Kursus Leading in the 21st Century

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Julai. – Seramai lima orang Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan telah mengikuti kursus ‘Leading in the 21st Century: How Your Organization Can Be More Effective In The Challenging’ yang diadakan di Pusat Serantau, SEAMEO VOCTECH, Jalan Pasar Baharu Gadong.

Pegawai-pegawai tersebut ialah Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Ramli, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail, Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat dan Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani.

Kursus dikendalikan oleh fasilitator dari Malaysia, Awang Johan Irwan Kamarozaman.

Turut menyertai kursus tersebut ialah pegawai-pegawai dari berbagai kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan juga sektor swasta.



*AWANG Johan Irwan Kamarozaman ketika mengendalikan kursus tersebut.*



*PEGAWAI-pegawai Penerangan semasa bergambar kenangan bersama fasilitator dari Malaysia, Awang Johan Irwan Kamarozaman di akhir kursus tersebut.*

## Mesyuarat Ke-18 Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) Komite ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI)

Berita dan Foto oleh : Unit Hal Ehwal Antarabangsa



*PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman bersama delegasi ASEAN yang lain semasa menghadiri mesyuarat tersebut.*

**K**UALA LUMPUR, Malaysia, Selasa 25 Julai. – Mesyuarat Ke-18 Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) Komite ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) telah diadakan pada 25 hingga 26 Julai 2017 di Sheraton Imperial Hotel, Kuala Lumpur.

Delegasi Negara Brunei Darussalam ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Awang Abdul Karim bin Hamdan, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, bersama Awang Isa bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa.

Mesyuarat dihadiri oleh wakil-wakil dari ASEAN Sekretariat dan perwakilan dari semua negara anggota ASEAN (AMS). Mesyuarat dipengerusikan oleh Encik S. Letchumanan Shanmugam, Setiausaha Bahagian, Bahagian Antarabangsa, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dan Encik Myo Myint Maung, Setiausaha Tetap, Kementerian Penerangan, Myanmar telah dilantik sebagai Naib Pengerusi.

Bagi mesyuarat kali ini, Negara Brunei Darussalam telah mencadangkan satu projek baru iaitu ASEAN Workshop on Cloud-based Broadcasting. Format projek adalah berbentuk bengkel selama dua hari bagi membincangkan dan bertukar-tukar pendapat bersama badan penyiaran di kesemua AMS terutama sekali perbincangan pakar yang akan dijemput dari negara ASEAN+3 iaitu Korea Selatan, Jepun dan Republik Rakyat China. Projek ini adalah salah satu

aktiviti di bawah Work Plan on Enhancing ASEAN+3 Cooperation through Information and Media 2012-2017 di mana Negara Brunei Darussalam dicadangkan untuk menjadi negara penyelaras.

Selain itu, mesyuarat juga bersetuju untuk mengekalkan dua projek yang mana Negara Brunei Darussalam selaku negara penyelaras iaitu Voice of ASEAN- Beyond Boundaries (VoA-BB) dan ASEAN Television News (ATN). Negara Darussalam telah memaklumkan semasa mesyuarat yang mana Kuiz ASEAN Peringkat Negara 2017 akan diadakan pada awal tahun 2018 bagi mengenal pasti tiga (3) penuntut terbaik bagi mewakili negara ini diperingkat serantau.

Mesyuarat ASEAN-COCI seterusnya akan diadakan pada bulan November 2017.



*PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan Awang Isa bin Haji Abdul Rahman, Pegawai Luar Penerangan semasa menghadiri mesyuarat tersebut.*

## Senarai pegawai dan kakitangan yang baru berkhidmat, berpindah dalam jabatan, luar jabatan, naik pangkat dan bersara di Jabatan Penerangan

	<b>Nama</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Penempatan</b>
1.	Awang Haji Ramlee bin Haji Moktar Penyelenggara Stor Tingkat II	Pindah 3 -7 - 2017	Naik Pangkat sebagai Penyelenggara Stor tingkat I di Jabatan Penerbangan Awam
2.	Awang Arzi bin Haji Durahman Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I	Pindah 17 - 7- 2017	Jabatan Bandaran
3.	Dayang Siti Imasuhaidah @ Salina binti Matali Penolong Pegawai Kewangan Tingkat I	Melapor diri 17 - 7- 2017	Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
4.	Dayang Mufidah binti Abdul Hakim Pegawai Penerangan	17 - 7- 2017	Unit Penyelidikan dan Perkembangan
5.	Haji Rahime bin Haji Anuar Pegawai Luar Penerangan	Melapor diri 18 - 7- 2017	Bersara
6.	Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman Pegawai Penerangan	Melapor diri 31 - 7- 2017	Unit Penerbitan Inggeris

## Senarai pegawai dan kakitangan yang mengikuti Taklimat/ Kursus/ Bengkel Bulan Julai 2017

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Nama/ Taklimat/ Kursus/ Bengkel</b>	<b>Tarikh</b>
Awang Musa bin Mohiddin	Pegawai Penerangan	Developing Effective Public Relation	3 -6 Julai 2017
Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Pegawai Penerangan	Developing Effective Public Relation	3 -6 Julai 2017
Awang Muhd.Khairulhadi bin Haji Muhd.Muhtaddi	Pegawai Penerangan	Fundamental of Successful Negotiaton	8 -20 Julai 2017
Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli/ Ramli	Pegawai Penerangan	Taklimat Leading in the 21st Century: How Your Organization Can Be More Effective In The Challenging	17 Julai 2017
Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Pegawai Penerangan	Taklimat Leading in the 21st Century: How Your Organization Can Be More Effective In The Challenging	17 Julai 2017
Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail	Pegawai Penerangan	Taklimat Leading in the 21st Century: How Your Organization Can Be More Effective In The Challenging	17 Julai 2017
Dayang Hajah Zabaidah binti Haji Salat	Pegawai Penerangan	Taklimat Leading in the 21st Century: How Your Organization Can Be More Effective In The Challenging	17 Julai 2017
Awang Mohammad Rainie bin Haji Durani	Pegawai Penerangan	Taklimat Leading in the 21st Century: How Your Organization Can Be More Effective In The Challenging	17 Julai 2017

## Senarai pegawai mengikuti Mesyuarat di Luar Negeri Bulan Julai 2017

Nama	Jawatan	Nama Mesyuarat	Tarikh
Abdul Karim bin Hamdan	Pegawai Tugas-tugas Khas tingkat II	The Eighteenth Meeting of The ASEAN-COCI Sub-Committee on Information (18 <sup>th</sup> SCI) Kuala Lumpur, Malaysia	24 - 27 July 2017
Awang Isa bin Haji Abdul Rahman	Pegawai Luar Penerangan	The Eighteenth Meeting of The ASEAN-COCI Sub-Committee on Information (18 <sup>th</sup> SCI) Kuala Lumpur, Malaysia	24 - 27 July 2017

## Pegawai Penerangan Memberi Taklimat Bulan Julai 2017

Nama	Jawatan	Nama Taklimat dan Tempat	Tarikh
Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya	Pegawai Penerangan	Sistem Pentadbiran Kerajaan @ Institut Perkhidmatan Awam	26 Julai 2017

## Penempatan Kerja Mahasiswa/Mahasiswi di Jabatan Penerangan Bulan Julai 2017

Nama	Daripada	Jurusan	Tarikh Penempatan
Dk.Nur Durratul Hasanah binti Pg. Shahri	Cosmopolitan College	Diploma in Business and Finance	3 Julai - 2 Oktober 2017
Nazatul Najwa@ Hadfina Dahlia binti Mohd.Azwan	Cosmopolitan College	Diploma in Business and Finance	3 Julai - 2 Oktober 2017
Muhamad Khairul Akmal bin Haji Kelena	Cosmopolitan College	Diploma in Information Technology	3 Julai - 2 Oktober 2017
Abu Hanaffiah bin Abu Bakar	Micronet International College	Diploma in Information Technology	3 Julai - 30 September 2017
Muhammad Syuib bin Haji Awang	Universiti Malaysia Sarawak	B.SC Human Resource Development	3 Julai - 8 September 2017

### **Pedoman: Bertanggungjawab Terhadap Apa Yang Dilakukan**

Tafsirnya: Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia (menerima dan menuliskannya).

(Surah Qaf, ayat 18)

Seseorang yang memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja).

(Surah az-Zumar, ayat 7)

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*


<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Faks : 2382242**